

# Mahathir ajak rakyat sentiasa bersyukur

KODIANG, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat bersyukur dengan keamanan serta kemakmuran yang dinikmati negara sekarang.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia perlu bersyukur kerana negara sentiasa aman dan makmur tanpa peperangan serta bencana alam besar seperti di sesetengah negara lain.

Beliau juga meminta rakyat jangan lupa terha-

dap nikmat yang diperolehi serta nasib orang lain yang terpaksa hidup menderita.

"Kita harus bersyukur dan berterima kasih kerana dapat hidup dalam aman hasil pembangunan pesat negara.

"Tidak seperti di negara lain yang berperang dan membunuh sesama sendiri, rakyat Malaysia hidup dalam aman damai serta selamat daripada bencana alam yang besar," katanya di majlis me-

letakkan batu asas pembinaan pasar pekan Padang Sera di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kejadian gempa bumi di Jepun beberapa hari lalu yang mengakibatkan kemusnahan dan kematian beribu penduduk Kobe, Osaka dan Kyoto, perlu dijadikan iktibar terhadap keselesaan hidup di negara ini.

Katanya, walaupun Jepun kaya, gempa bumi itu menyebabkan rakyatnya menderita akibat kekura-

ngan makanan, ketiadaan bekalan elektrik dan air.

"Berbeza dengan di negara berkenaan, Malaysia tidak mengalami bencana besar seperti gempa bumi, banjir besar dan puting beliung.

"Bagaimanapun, ia tidak seharusnya membuat kita lupa dengan nasib mereka yang mungkin terjadi kepada kita pula. Jika menyedari perkara ini, kita akan lebih bersyukur dan berterima kasih," katanya.

Dr Mahathir berkata, amalan demokrasi negara membolehkan rakyat memilih kerajaan yang baik dan akan menolong rakyat.

Menurutnya, kerajaan akan terus membangunkan negara dan memastikan masa depan rakyat lebih baik daripada sekarang.

Mengenai usaha menggalakkan rakyat, terutama orang Melayu berniaga, Perdana Menteri berkata, mereka perlu

merebut peluang menerusi pembinaan ruang niaga seperti pasar yang lengkap dan selesa untuk memajukan perniagaan.

Bagaimanapun, mereka perlu mengikuti perkembangan semasa dengan memasarkan barang yang bermutu tinggi.

"Sekarang bukan masanya untuk kita berniaga di tempat kecil berbungkusan plastik dan menjual barang yang tidak bermutu dan tidak menarik," katanya.